

19/04/2000

Sambutan meriah untuk PM di Kedah 27 April

ALOR STAR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan disambut secara besar-besaran di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, sebelum ke Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk merasmikan Konvensyen Umno Kedah, pada 27 April ini.

Seramai 3,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) akan hadir di upacara sambutan itu.

Menteri Besar, Datuk Syed Razak Syed Zain, berkata selepas upacara sambutan semua mereka menghadiri majlis perasmian konvensyen.

Bagaimanapun, konvensyen dua hari akan hanya membabitkan 700 peserta mewakili semua peringkat ahli Umno.

"Selain ahli parti, peserta adalah tokoh korprat, pemimpin pelajar, pemimpin pertubuhan sukarela dan wakil Dewan Perniagaan Melayu Kedah," katanya kepada pemberita hari ini.

Menurutnya, antara tajuk yang akan dibincangkan ialah politik, ekonomi, agama dan pendidikan.

"Hasil perbincangan konvensyen akan diserahkan kepada Dr Mahathir," katanya.

(END)